



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI**

**TAMBAHAN KEPADA  
KETETAPAN UMUM NO.2/2004**

**MANFAAT BERUPA BARANGAN**

**TAMBAHAN KEPADA KETETAPAN UMUM  
NO. 2/2004**

**TARIKH KELUARAN: 20 MEI 2005**



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI  
MALAYSIA**

**TAMBAHAN KEPADA  
KETETAPAN UMUM NO. 2/2004  
MANFAAT BERUPA BARANGAN**

**Tarikh Keluaran: 20 May 2005**

---

**KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Ketetapan Umum dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarikbalik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikanbalik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Malaysia**



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI  
MALAYSIA

**TAMBAHAN KEPADA  
KETETAPAN UMUM NO. 2/2004  
MANFAAT BERUPA BARANGAN**

Tarikh Keluaran: 20 May 2005

**TAMBAHAN KEPADA KETETAPAN UMUM NO. 2/2004:  
MANFAAT BERUPA BARANGAN**

1. LHDN mengeluarkan tambahan ini bertujuan memberi penerangan lanjut berhubung layanan cukai ke atas manfaat keahlian kelab rekreasi dan telefon yang disediakan oleh majikan kepada pekerja yang dinikmati secara peribadi oleh pekerja.
2. Bersesuaian dengan itu, penerangan lanjut adalah seperti berikut:

**Keahlian Kelab Rekreasi: Perenggan 3, Butiran 4 dalam Lampiran 2**

Jenis keahlian	Pembayar	Layanan cukai ke atas pekerja
Individu	Majikan atau 'reimbursed' oleh majikan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Fi kemasukan sebagai keahlian kelab - dicukai di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967</li><li>• Yuran keahlian bulanan / tahunan sebagai keahlian kelab - dicukai di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967</li><li>• Keahlian berpenggal (<i>term membership</i>) - dicukai atas bayaran yang dibuat di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967</li></ul>
Korporat	Majikan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Fi kemasukan - tidak dikenakan cukai</li><li>• Yuran keahlian bulanan/ tahunan sebagai keahlian kelab bagi pekerja - dicukai atas nilai yang ditetapkan di bawah perenggan 13(1)(b) ACP 1967</li></ul>



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI  
MALAYSIA**

**TAMBAHAN KEPADA  
KETETAPAN UMUM NO. 2/2004  
MANFAAT BERUPA BARANGAN**

**Tarikh Keluaran: 20 May 2005**

**Bil Telefon Rumah: Perenggan 3, Butiran 1 dalam Lampiran 2**

Manfaat bil telefon	Pembayar	Layanan cukai
Jika telefon dilanggan oleh majikan	Majikan	Manfaat dikenakan cukai di bawah perenggan 13(1)(b) ACP 1967. Nilai yang ditetapkan adalah RM300 setiap telefon. Jika kaedah formula digunakan, nilai manfaat adalah amaun sebenar panggilan peribadi yang dibayar oleh majikan.
Jika telefon dilanggan oleh pekerja	Majikan	Manfaat dikenakan cukai di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967. Amaun yang dikenakan cukai adalah amaun yang tercatat dalam bil yang dibayar oleh majikan.

Selaras dengan penerangan di atas berhubung dengan manfaat bil telefon rumah, perenggan 2, kategori 4 dalam Lampiran 2 dipinda seperti berikut:

Kategori	Jenis Manfaat	Nilai MBB Yang Ditetapkan Setahun (RM)
4	Kemudahan bayaran perkhidmatan dan bil lain-lain seperti bil air dan elektrik.	Nilai perkhidmatan dan bil lain-lain yang dibayar oleh majikan.

3. Tambahan ini merupakan sebahagian daripada Ketetapan Umum No.2/2004 yang berkuatkuasa mulai 8 November 2004. Dengan tambahan ini, surat LHDN bertarikh 12 Mac 1998 kepada Dewan Perniagaan & Perindustrian Antarabangsa Malaysia berkaitan dengan perkara tersebut adalah dibatalkan berkuatkuasa 8 November 2004.

Ketua Pengarah  
Hasil Dalam Negeri, Malaysia  
Tarikh: 20 Mei 2005